

NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH - COOL

Menthol (1.00%w/w), Thymol (0.80%w/w), Peppermint Oil (0.40%w/w), Borneol (0.20%w/w)

Apakan yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH – COOL
2. Bagaimana NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH – COOL berfungsi
3. Sebelum mengambil NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH – COOL
4. Cara menggunakan NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH – COOL
5. Semasa menggunakan NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH – COOL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH – COOL
8. Deskripsi Produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakan kegunaan NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH - COOL

Untuk simptomatik kelegaan bagi sakit otot, sakit belakang, sakit sendi, ketegangan leher dan bahu.

Bagaimana NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH - COOL berfungsi

NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH – COOL mengandungi bahan aktif Menthol, Thymol, Peppermint Oil, dan Borneol.

Menthol, apabila digunakan pada kulit, melancarkan saluran darah yang menyebabkan sensasi kesejukan diikuti dengan kesan analgesik. Diaplikasikan secara luaran, Thymol bertindak sebagai analgesik rubefacient. Peppermint Oil mempunyai kesan yang serasi dengan Menthol, di samping membagi bau yang menenangkan & kesegaran. Borneol, apabila digunakan secara topikal, mengaktifkan saluran TRPM8 penderia sejuk dan menghalang laluan nociceptive tertentu (cth., TRPA1), menghasilkan kesan penyejukan/analgesik dan antiprurit; juga bertindak sebagai penambah penembusan transdermal, meningkatkan penyerapan kulit bahan-bahan yang digunakan bersama.

Sebelum mengambil NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH - COOL

Bila tidak boleh digunakan

Jangan gunakan NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH – COOL jika anda mempunyai kulit sensitif atau dermatitis.

Sebelum menggunakannya

Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Sekiranya anda alah kepada Menthol, Thymol, atau bahan-bahan lain dalam produk ini.

Pengambilan ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain.

Cara menggunakan NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH - COOL

Berapa banyak harus digunakan

Tidak lebih dari 1 hingga 2 kali sehari. Tanggalkan selepas paling lama 8 jam.

Bila perlu digunakan

Gunakan untuk melegakan kesakitan yang berkaitan dengan: sakit otot, sakit belakang, sakit sendi, ketegangan leher dan bahu.

Berapa lama perlu digunakan

Penggunaan harus diteruskan apabila terdapat tanda-tanda sakit otot, sakit belakang, sakit sendi, ketegangan leher dan bahu.

Merujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika kesakitan tidak bertambah baik selepas 5 atau 6 hari penggunaan.

Jika terlupa menggunakan

Gunakan produk ini dengan segera dan kemudian teruskan penggunaan macam biasa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlebih dos, sila merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH - COOL

Perkara yang perlu dilakukan

Pastikan tempat yang terjejas adalah bersih dan kering.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Produk ini tidak sewajarnya digunakan pada bayi and kanak-kanak di bawah umur 2 tahun dan dikontraindikasikan pada mereka yang menunjukkan hipersensitiviti terhadap sebarang komponen dalam formulasi ini.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luaran sahaja. Jauhi daripada kanak-kanak.

Kesan-kesan Sampingan

Hentikan penggunaan jika ruam, kegatalan, kemerahan atau ledakan berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web www.npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH - COOL

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C

Simpan di tempat yang kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya.

Pelupusan

Lupuskan produk selepas tarikh luput.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk NB NEOBUN PAIN RELIEF HYDROGEL PATCH – COOL

Plaster fabrik putih bersegi empat tepat dilapisi dengan lapisan nipis koloid berubut.

Bahan aktif

Menthol, Thymol, Peppermint Oil, Borneol

Bahan tidak aktif

Air, Glycerin, PEG 40, Polyvinyl Alcohol, Carbomer, Polyacrylic acid, Dihydroxyaluminium Aminoacetate, Titanium Dioxide, Tartaric Acid, Methyl Paraben, Propyl Paraben.

Nombor MAL

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

THP Medical Sdn. Bhd

(1135528-K)

Lot PT 1281 (Plot 308), Jalan Perindustrian

Bukit Minyak 18,

Kawasan Perindustrian Bukit Minyak,

14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang,

Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

21/06/2026

Nombor siri

NPRA (R2) 26/122